



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN ISNIN, 17 FEBRUARI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



17/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	THE LADY WITH THE LAMP BRINGS LIGHT TO MALAYSIA'S FORGOTTEN		POSITIF
	https://www.nst.com.my/lifestyle/sunday-vibes/2025/02/1175659/lady-lamp-brings-light-malysias-forgotten	NST.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	RAMAI LAGI INSAN YANG KURANG BERNASIB BAIK		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1187815/ramai-lagi-insan-yang-kurang-bernasib-baik	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	LARIAN AMAL PANTAI SP WORLD CANCER DAY RUN 2025 KUMPUL RM20,000		POSITIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/712986/bisnes/larian-amal-pantai-sp-world-cancer-day-run-2025-kumpul-rm20000	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	GELAGAT KANAK-KANAK MASUK TABIKA JADI TUMPUAN		POSITIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/712989/edisi/utara/gelagat-kanak-kanak-masuk-tabika-jadi-tumpuan	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	BAYI DIBUANG DALAM BEG KERTAS DI HENTIAN BAS, SUSPEK DITAHAN DI HOSPITAL		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1362052/bayi-dibuang-dalam-beg-kertas-di-hentian-bas-suspek-ditahan-di	BHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



17/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tahan-wanita-disyaki-buang-bayi-di-perhentian-bas-508871	ASTROAWANI.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/713024/berita/semasa/bayi-ditinggal-di-perhentian-bas-polis-tahan-ibu-di-hospital-swasta	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/02/16/wanita-ditahan-tinggalkan-bayi-dalam-beg-kertas/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-baru-lahir-ditinggal-dalam-beg-kertas-di-perhentian-bas/	BULETINTV3.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=eQeO4pQ2pUM	YOUTUBE	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1187897/buang-bayi-di-perhentian-bas-wanita-ditahan	HMETRO.COM.MY	
	https://selangorkini.my/2025/02/wanita-20-tahun-buang-bayi-baru-lahir-di-perhentian-bas/	SELANGORKINI.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2393079	BERNAMA.COM	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/jumpa-bayi-dalam-beg-kertas-polis-tahan-ibu-kandung-bantu-siasatan/	UTUSAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/02/16/polis-tahan-gadis-berusia-20-tahun-buang-anak-di-perhentian-bas/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/02/16/20-year-old-woman-arrested-for-baby-dumping-in-pulau-tikus/	FREEMALAYSITODAY.COM	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/02/16/woman-arrested-after-newborn-left-in-paper-bag-at-penang-bus-stop/166914	MALAYMAIL.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	PINDAAN AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998 FOKUS ISU JENAYAH DALAM TALIAN		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/pindaan-akta-komunikasi-dan-multimedia-1998-fokus-isu-jenayah-dalam-talian	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1187865/pindaan-akta-komunikasi-dan-multimedia-1998-fokus-jenayah-atas-talian	HMETRO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



17/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pindaan-akta-komunikasi-dan-multimedia-1998-fokus-isu-jenayah-dalam-talian-508846	ASTROAWANI.COM	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2393012	BERNAMA.COM	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1361975/pindaan-akta-komunikasi-dan-multimedia-1998-fokus-isu-jenayah-dalam	BHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/02/16/pindaan-akta-komunikasi-dan-multimedia-tidak-gugat-kebebasan-bersuara-fahmi/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/712996/berita/nasional/pindaan-akta-komunikasi-dan-multimedia-1998-fokus-isu-jenayah-dalam-talian	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/02/pindaan-akta-tidak-jejaskan-kebebasan-bersuara/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/02/16/pindaan-akta-588-tidak-jejaskan-kebebasan-bersuara-fahmi/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2393014	BERNAMA.COM	
	https://www.thevibes.com/articles/news/104992/fahmi-amendments-to-communications-and-multimedia-act-to-heighten-action-against-online-crimes	THEVIBES.COM	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/02/16/stricter-penalties-enforced-under-new-amendments-to-communications-act-to-combat-online-crimes-says-fahmi/166887	MALAYMAIL.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=uOHfdKLQRYQ	YOUTUBE	
	https://selangorjournal.my/2025/02/amendments-to-act-588-target-online-crimes-minister/	SELANGORJOURNAL.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	WANITA DITAHAN CEDERAKAN KANAK-KANAK LELAKI GUNA PISAU		NEGATIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/16/wanita-ditahan-cederakan-kanak-kanak-lelaki-guna-pisau	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/712972/berita/semasa/wanita-ditahan-cederakan-kanak-kanak-guna-pisau	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



INFORMASI DARI NEGARA LUAR



Topik: Free medicines for children with cancer in selected countries
[\[LINK\]](#)

The World Health Organization (WHO) on Feb 11 (2025) launched a new platform providing cost-free cancer medicines for thousands of children living in low- and middle-income countries, in a bid to improve lagging survival rates.

The first medicines were being delivered to Mongolia and Uzbekistan, the WHO said, with further shipments planned for Ecuador, Jordan, Nepal and Zambia as part of the project's pilot phase.

The treatments are expected to reach around 5,000 children with cancer this year across at least 30 hospitals in those six nations.

"Countries in the pilot phase will receive an uninterrupted supply of quality-assured childhood cancer medicines at no cost," the UN health agency said in a statement.

The WHO said that childhood cancer survival rates in low- and middle-income countries were often below 30%, compared with around 80% in high-income countries.

"For too long, children with cancer have lacked access to life-saving medicines," WHO chief Dr Tedros Adhanom Ghebreyesus said.

"This marks the beginning of a global movement to provide children with cancer the medicines that they need, regardless of where they live, or their ability to pay," he told a press conference.

"Childhood cancer is increasingly a leading cause of death for middle- and high-income countries - this is for children of the age of five to 14.

The US government's recent decision to withdraw from the WHO does not pose a threat to the platform, he added. -
By Robin Millard/AFP

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



The lady with the lamp brings light to Malaysia's forgotten

By Vincent D'Silva - February 16, 2025 @ 9:45am



Saraswathy, guided by light from the lamp she holds, checking on her sleeping residents at the Kempas Welfare and Nursing Home. Pics by Vincent D'Silva.

SHE'S a rare presence in the world of caregiving. Her nightly rounds, lamp tightly clasped in hand, have become a symbol of her deep compassion and commitment to the residents under her care.

"Even the smallest gestures can have the greatest impact, and each of us has the power to make a meaningful difference in the lives of those in need," begins Saraswathy Letchumanan, the manager and owner of Kempas Welfare and Nursing Home (Pusat Jagaan Warga Istimewa Kempas).

Known by locals as "The Lady with the Lamp", Saraswathy's nightly ritual of silently wandering the hallways and bedrooms of the home to check on the residents speaks volumes about of her dedication.

She moves through the quiet corridors, the soft glow of her lamp lighting the way, ensuring each resident's comfort and wellbeing. Her presence is a quiet comfort for those who call the home their own.



Some of the residents exercising on the treadmill, gym exercise bike and four-legged walker.

Many of the residents, ranging in age from 15 to 83, consider Saraswathy more than a nurse; they regard her as a mother figure. "This work is a thing of beauty," she says, adding: "It demands the caregiver to go out of their way to make life beautiful for the sick and disabled."

Her devotion to her wards, many of whom have Down syndrome, cerebral palsy, autism, dementia, schizophrenia or are simply elderly, has earned Saraswathy the respect and admiration of both her staff and the local community.

The nursing home houses 44 individuals, including 25 males and 15 females, and is supported by a team of eight caregivers. Saraswathy's tireless advocacy for the elderly and the sick has made her a beacon of hope for the residents, and a symbol of unwavering care in the neighbourhood. Her nightly visits, her willingness to go beyond the call of duty, have turned the image of "The Lady with the Lamp" into a lasting emblem of compassionate caregiving.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Ramai lagi insan yang kurang bernasib baik

Redzuan Muharam
redzuan.muharam@hmetro.com.my



SUHARMAN Mohamad bersama anaknya, Mohamad Asyraf. FOTO ihsan Suharman Mohamad

Pasir Puteh: Tanpa sebelah mata, peniaga aisikrim Suharman Mohamad tetap gigih menunggang motosikal untuk mencari pelanggan.

Begitu rutin Suharman, 43, demi mencari rezeki walaupun pendapatan harian diperoleh tidak menentu iaitu sekitar RM60 atau kurang.

Bagi Suharman, apa yang penting adalah dia berusaha kerana perlu menyara isteri dan empat anak termasuk seorang berstatus orang kurang upaya (OKU) kategori intelektual iaitu Nur Amanina, 8.

Berkongsi kisahnya, Suharman berkata, dia dilahirkan normal, namun hilang penglihatan kiri selepas terabit dalam kemalangan pada 2014 ketika membonceng motosikal dengan seorang rakan.

"Selepas kemalangan itu, saya boleh nampak lagi, namun setahun kemudian mata kiri saya sudah tak dapat melihat.

"Susah nak terima tapi mahu atau tak, saya kena reda, cuma dua tahun juga berehat sebelum jadi buruh binaan rumah.

"Tapi disebabkan minat berniaga, saya beralih dengan menjual aisikrim pula dengan mengambil stok daripada pembekal dan sudah bertahan selama enam tahun," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Menurut Suharman, banyak pengalaman dilalui sejak menjadi penjual aisikrim kerana bertemu dengan pelbagai jenis dan ragam manusia setiap hari.

Katanya, rata-rata pelanggan juga bertanya apa yang berlaku sehingga hilang penglihatan kiri.

"Biasanya, saya keluar berniaga pakai cermin mata... tapi biasanya ada juga yang perasan keadaan mata saya.

"Ada budak tengok pelik dan yang dewasa pun tanya, apa punca mata jadi begitu dan saya terangkan saja yang berlaku. Pernah juga ada sekumpulan pemuda mengejek, tapi saya tak ambil pusing dan terus beredar.

"Macam-macam pengalaman, tapi salah satu yang tak dapat dilupakan adalah dilanggar lari oleh sebuah kenderaan pada tahun lalu hingga motosikal saya terbabas ke dalam semak," katanya yang menerima bantuan bulanan RM450 daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Suharman berkata, biar apa pun ujian dan rintangan, dia sentiasa tabah untuk menghadapinya kerana mengenangkan tanggungjawab sebagai ketua keluarga.

"Sekarang, saya cuma fikir nak cari rezeki buat keluarga demi kelangsungan hidup diri sendiri, anak dan isteri.

"Walaupun bergelar OKU, saya bersyukur kerana masih ada sebelah lagi mata untuk melihat.

"Ia kerana ramai lagi di luar sana yang kurang bernasib baik dan lagi teruk keadaannya daripada saya," katanya yang merancang menjual air soya sepanjang Ramadan ini.

Orang ramai yang berhasrat membantu boleh menyalurkan sumbangan ke akaun Bank Simpanan Nasional (BSN) bernombor 1100741000079581 atas nama Suharman Mohamad.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Larian amal Pantai SP World Cancer Day Run 2025 kumpul RM20,000



SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI

Follow

16 Februari 2025 12:17pm



Bee Chan (kiri) menyerahkan replika cek bernilai RM20,000 kepada wakil MAKNA, Zunnurin (kanan).

SEBANYAK RM20,000 berjaya dikumpulkan melalui program larian amal Pantai SP World Cancer Day Run 2025 yang berlangsung di Bertam Setia Fontaines pada pagi Sabtu.

Program ini dianjurkan bersama oleh Hospital Pantai Sungai Petani dan Hospital Pantai Laguna Merbok bagi meningkatkan kesedaran mengenai penyakit kanser serta mengumpul dana untuk Majlis Kanser Negara (MAKNA).

Ketua Pegawai Eksekutif Hospital Pantai Sungai Petani dan Hospital Pantai Laguna Merbok, Tio Bee Chan berkata, larian amal yang diadakan sempena sambutan Hari Kanser Sedunia itu mendapat sambutan luar biasa dengan penyertaan lebih 2,200 peserta dari Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Perak.

Menurutnya, jumlah kutipan yang diperoleh hasil daripada yuran pendaftaran akan disalurkan sepenuhnya kepada MAKNA bagi membantu pesakit kanser yang memerlukan rawatan perubatan.

"Kami amat berterima kasih atas sokongan semua peserta yang telah menyertai larian amal ini. Sambutan yang diterima melebihi jangkaan kami dan ini jelas menunjukkan kesedaran serta keprihatinan masyarakat terhadap pesakit kanser.

"Larian ini bukan sekadar acara kecergasan tetapi satu inisiatif komuniti dalam mempromosikan kesihatan dan kesejahteraan, selari dengan komitmen kami dalam memberi khidmat kepada masyarakat," katanya.

Sementara itu, Wakil MAKNA, Zunnurin Zohri berkata, program seperti ini membuktikan bagaimana masyarakat boleh bersatu untuk tujuan kebajikan.

"Dana yang dikumpul menerusi program ini akan memberi manfaat secara langsung kepada pesakit kanser yang memerlukan rawatan perubatan.

"Sokongan yang diberikan oleh orang ramai amat berharga dalam membantu mereka menjalani proses pemulihan," katanya.

Larian separuh maraton tersebut menawarkan tiga kategori iaitu 21 kilometer, 10 kilometer dan 5 kilometer, bermula dan berakhir di lokasi yang sama.

Selain larian, pelbagai aktiviti turut diadakan termasuk sesi zumba, pemeriksaan kesihatan percuma, cabutan bertuah serta pameran kesihatan yang disertai oleh penaja insurans, Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NSCM) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

Untuk maklumat lanjut mengenai Pantai SP World Cancer Day Run 2025 atau cara menyumbang kepada MAKNA, orang ramai boleh melayari www.pantai.com.my/sungai-petani/ms atau mengikuti laman Facebook rasmi Hospital Pantai Sungai Petani.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Gelagat kanak-kanak masuk tabika jadi tumpuan



NURUL HIDAYAH HAMID

Follow

16 Februari 2025 01:21pm



Seorang kanak-kanak menangis ingin pulang pada hari pertama persekolahan di Kedah.

SUNGAI PETANI - Gelagat kanak-kanak hari pertama persekolahan tahun 2025 mencuit hati terutama bagi yang memulakan sesi tabika.

Guru Tabika Perpaduan Taman Arked, Nor Aiza Yahaya, 59, berkata, pelbagai gelagat dilihat pada awal pagi ketika ibu bapa menghantar kanak-kanak mengikuti sesi hari pertama.

Menurutnya, seramai 17 kanak-kanak berusia 4,5 dan 6 tahun yang mula mendaftar masuk tabika berkenaan.



Murid tabika, Nur Aisya Aliya Muhammad Ariff (kiri) sedang menunjukkan lukisan dihasilkannya kepada kawan-kawannya.

"Bagaimanapun, setakat ini tiga murid beragam disebabkan hari pertama persekolahan, manakala murid lain seperti biasa mampu menyesuaikan diri.

"Ada juga kanak-kanak yang menangis dan ingin pulang. Mahukan ayahnya, sambil berjalan menunggu ke pintu dengan mengusung begnya," katanya.

Bagaimanapun, menurutnya, mereka mula ceria selepas tiba waktu makan dan berjaya dipujuk guru-guru.



Seramai 17 murid kelihatan ceria selepas mengikuti aktiviti di Tabika Perpaduan Taman Arked.

Beliau yang mempunyai pengalaman selama 29 tahun mengajar Tadika Perpaduan memaklumkan, hari pertama pelbagai ragam dapat dilihat.

"Hari pertama dimulakan dengan pengenalan kelas, bilik air dan peraturan yang perlu diikuti.

"Setakat ini, semua baik dan akur namun esok kita lihat pula bagaimana, sebagai guru kita bersedia untuk melayan kerenah anak-anak ini, biasalah hari pertama macam ini," jelasnya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bayi dibuang dalam beg kertas di hentian bas, suspek ditahan di hospital

Oleh Zuhainy Zulkiffli - Februari 16, 2025 @ 5:41pm
bhnews@bh.com.my



Seorang bayi lelaki dipercayai baru lahir, ditemui dalam beg kertas di atas tempat duduk sebuah perhentian bas di Jalan Perak, Pulau Tikus, hari ini. - Foto tular

GEORGETOWN: Seorang bayi lelaki dipercayai baru lahir, dijumpai orang awam di atas tempat duduk sebuah perhentian bas di Jalan Perak, Pulau Tikus, di sini, hari ini.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Abdul Rozak Muhammad, berkata pihaknya menerima maklumat berhubung penemuan bayi itu pada jam 10.14 pagi tadi.

"Bayi itu diletakkan dalam sebuah beg kertas dan ditinggalkan di perhentian bas berkenaan.

"Hasil siasatan mendapati bayi itu disyaki ditinggalkan ibunya di tempat kejadian pada jam 8.03 pagi," katanya dalam satu media, hari ini.

Susulan itu, Abdul Rozak berkata, polis memberkas seorang wanita warga tempatan berusia 20 tahun dipercayai ibu kandung bayi terbabit.

Beliau berkata, suspek ditahan kira-kira jam 2.20 petang di sebuah hospital swasta, di sini.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 317 Kanun Keseksaan. Susulan penahanan suspek, kes ini berjaya diselesaikan.

"Polis mengucapkan terima kasih kepada orang awam yang prihatin memberikan kerjasama dan bantuan dalam siasatan kes ini," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pindaan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 fokus isu jenayah dalam talian

Nasional - Dicipta: 16 Februari 2025 03:14 PM - Kemas kini: 16 Februari 2025 03:14 PM



Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil

KUALA LUMPUR, 16 Februari - Pindaan terhadap Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) memberi fokus kepada isu jenayah dalam talian seperti pedofilia, scam dan judi.

Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil berkata bermula 11 Februari lepas, hukuman lebih berat telah dikuatkuasakan bagi beberapa kesalahan seperti yang diluluskan di Parlimen pada Disember lepas.

"Ada beberapa perkara yang kini ditakrifkan sebagai kalau dahulu dipanggil jelik, kini dipanggil jelik melampau yang lebih khusus, tidak terlalu luas seperti dulu.

"Dalam pindaan ada dimasukkan huraian-huraian yang boleh digunakan untuk hujah bagi pihak pembelaan atau pun pendakwa di mahkamah... jadi ia lebih terang, lebih jelas, lebih khusus (dan) tidak boleh disalahgunakan seperti dulu," katanya ketika ditemui pemberita pada program Temu Anak Muda Lembah Pantai, di sini hari ini.

Fahmi turut mengingatkan orang ramai supaya berhati-hati menerima maklumat, terutama di media sosial dan mengelakkan dari menyebarkan berita yang tidak sahih.

Beliau berkata pengguna media sosial dinasihatkan supaya menjadikan media arus perdana sebagai rujukan utama dalam mendapatkan maklumat berkaitan sesuatu perkara," katanya.

Pindaan terhadap Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] mula berkuat kuasa pada Selasa lepas selepas diwartakan pada 7 Februari lepas, dan ia menyediakan ekosistem rangkaian internet lebih selamat serta mampan kepada pengguna.

Persidangan Dewan Rakyat pada 9 Disember 2024 meluluskan Rang Undang-Undang Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2024 melalui undi belah bahagian dengan 59 Ahli Parlimen bersetuju manakala 40 Ahli Parlimen tidak menyokong, seorang tidak mengambil bahagian serta 122 tidak hadir.

Fahmi ketika menggulung perbahasan rang undang-undang berkenaan berkata Seksyen 233 bawah Akta 588 tidak dimansuhkan untuk mengelak penyalahgunaan rangkaian oleh mana-mana pihak bagi tujuan komersial khususnya penjualan pornografi dan pedofilia. - BERNAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita ditahan cederakan kanak-kanak lelaki guna pisau

© Februari 16, 2025, Ahad - 8:09am



TANGKAP: Suspek wanita terbabit berjaya ditahan di rumahnya, pada Jumaat lepas.

TAWAU: Seorang wanita ditahan selepas disyaki mencederakan kanak-kanak lelaki menggunakan pisau di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR) Batu 8, Jalan Apas, di sini, Khamis lalu.

Kejadian yang berlaku kira-kira jam 6.10 petang itu disedari oleh ahli keluarganya selepas mangsa yang berusia 10 tahun terbabit dalam keadaan berlumuran darah di bahagian tangan.

Ketua Polis Daerah Tawau, Asisten Komisioner Jasmin Hussin berkata, pihaknya menerima laporan mengenai kejadian itu daripada ibu saudara mangsa berusia 43 tahun.

Katanya, bertindak atas maklumat itu, sepasukan pegawai dan anggota dari Bahagian Siasatan Jenayah (BSJ) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tawau menjalankan siasatan.

"Hasil siasatan berjaya mengesan dan menahan suspek wanita berusia 43 tahun di kawasan PPR Batu 8, Jalan Apas, kira-kira jam 3.30 petang pada Jumaat.

"Siasatan awal mendapati suspek tidak mempunyai sebarang hubungan dengan mangsa dan motif sebenar serangan masih dalam siasatan," katanya dalam kenyataan media.

Menurutnya, mangsa mengalami luka di bahagian tangan kirinya ketika cuba mengelak daripada ditikam oleh suspek.

"Namun mangsa kini berada dalam keadaan stabil selepas menerima rawatan di Hospital Tawau.

"Manakala suspek kini direman untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan kerana mendatangkan kecederaan dengan senjata berbahaya," katanya.

Sementara itu, Jasmin meminta orang ramai supaya tidak membuat sebarang spekulasi yang boleh mengganggu siasatan polis.